



**INTERNATIONAL JOURNAL OF
POLITICS, PUBLICS POLICY
AND SOCIAL WORKS
(IJPPSW)**

www.ijppsw.com



SOLUSI ALTERNATIF TERHADAP PENCEROBOHAN TANAH KERAJAAN IN PERAK

*ALTERNATIVE SOLUTIONS ON THE ENCROACHMENT OF GOVERNMENT
LAND IN PERAK*

Har Hui Lin^{1*}, Aminah Mohsin², Ainur Zaireen Zainudin³

¹ Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia
Email: huilin5472@gmail.com

² LAnDS Research Group, Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia
Email: amimahmohsin@utm.my

³ LAnDS Research Group, Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia
Email: ainurzaireen@utm.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 07.10.2020

Revised date: 02.11.2020

Accepted date: 25.11.2020

Published date: 02.12.2020

To cite this document:

Har, H. L., Mohsin, A., & Zainudin, A. Z. (2020). Solusi Alternatif Terhadap Pencerobohan Tanah Kerajaan di Perak. International Journal of Politics, Publics Policy and Social Works, 2 (7), 50-61.

DOI: 10.35631/IJPPSW.27004.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



Abstrak:

Pencerobohan tanah milik kerajaan merupakan isu yang dihadapi oleh pihak kerajaan negeri Perak. Masalah pencerobohan tanah ini telah menyebabkan kerugian kepada kerajaan negeri dari segi hasil pendapatan. Pelbagai langkah penyelesaian telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan Perak untuk menangani isu pencerobohan tanah milik kerajaan ini tetapi isu pencerobohan masih berlaku hingga kini. Oleh itu, kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengenalpasti punca-punca yang menyebabkan penyelesaian sedia ada tidak berkesan dan mengkaji solusi alternatif bagi menangani isu pencerobohan tanah kerajaan di negeri Perak. Bagi mencapai objektif kajian, rekabentuk kualitatif telah digunakan. Dua jenis data diperolehi iaitu data primer dan data sekunder. Data primer diperolehi dengan kaedah temubual bersama pegawai-pegawai dari Unit Pengukuasaan dan Teknikal di bawah Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Perak supaya memberi gambaran keadaan semasa dan maklum balas tentang isu pencerobohan tanah milik kerajaan negeri Perak. Manakala bagi data sekunder diperolehi dari ekstrak kajian-kajian lepas, keratan akhbar, dan jurnal-jurnal berkaitan. Seterusnya data-data ini dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis deskriptif. Hasil kajian mendapat terdapat tiga punca penyelesaian sedia ada tidak berkesan iaitu campur tangan politik, peruntukan kewangan terhad dan ancaman keselamatan dari penceroboh. Selain itu terdapat beberapa alternatif penyelesaian yang telah dicadangkan iaitu penggunaan teknologi dan mewujudkan pangkalan data yang lengkap mengenai tanah yang diceroboh. Kesimpulannya, diharapkan dapatan kajian ini memberi faedah kepada semua pihak khususnya pihak

kerajaan dalam menangani isu-isu pencerobohan tanah hak milik kerajaan negeri.

Kata Kunci:

Pencerobohan, Tanah Kerajaan, Solusi Alternatif

Abstract:

The encroachment on government land is an issue faced by the Perak state government. This land encroachment problem has caused losses to the state government in terms of revenue. Various solutions have been implemented by the Perak government to address the issue of encroachment, but the issue of encroachment still occurs to this day. Therefore, this study was conducted to identify the causes that cause the existing solution to be ineffective and to study alternative solutions to address the issue of encroachment of government land in the state of Perak. To achieve the objectives of the study, a qualitative design was used. Two types of data were obtained, namely primary data and secondary data. Primary data was obtained by interviewing officers from the Enforcement and Technical Unit under the Office of the Director of Lands and Mines Perak to provide an overview of the current situation and feedback on the issue of land encroachment. While for secondary data obtained from extracts of previous studies, newspaper clippings, and related journals. These data are then analysed using descriptive analysis methods. The results of the study found that there are three sources of existing solutions that are ineffective, namely political intervention, limited financial allocation, and security threats from intruders. In addition, there are several alternative solutions that have been proposed, namely the use of technology and the creation of a complete database of encroached land. In conclusion, it is hoped that the findings of this study will benefit all parties, especially the government in addressing the issues of encroachment on land owned by the state government.

Keywords:

Encroachment, Government Land, Alternative Solution

Pengenalan

Tanah merupakan salah satu sumber yang terhad penawarannya tetapi permintaan masyarakat terhadap tanah adalah tidak terhad atau terlalu tinggi. Hal ini disebabkan penggunaannya dari segi pembangunan boleh dibahagi kepada sektor pertanian, pembinaan, perindustrian dan perumahan. Permintaan terhadap tanah sangat diperlukan untuk menjalankan pelbagai jenis pembangunan. Menurut Jasni (2000), tanah merupakan sumber penting bagi manusia yang dapat memberi nilai yang tinggi pada keadaan dan tempoh tertentu dengan pelbagai aktiviti pembangunan yang dijalankan.

Isu pencerobohan tanah milik kerajaan ini telah lama berlaku di negara ini dan ia semakin berleluasa dari setahun ke setahun. Menurut Kanun Tanah Negara (1965) Seksyen 425(1A), pihak-pihak yang menduduki, atau membina apa-apa bangunan di atas tanah kerajaan, tanah rizab atau tanah perlombongan adalah melakukan suatu kesalahan. Jika disabitkan, pihak tersebut akan dikenakan denda yang tidak melebihi sepuluh ribu ringgit, atau dipenjarakan untuk suatu tempoh yang tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Menerusi kenyataan yang dikeluarkan oleh Pejabat Menteri Besar Perak, sebanyak 24,000 hektar tanah milik kerajaan negeri dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) telah diceroboh sejak

dahulu (Saifullah, 2019). Seterusnya, menurut kenyataan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu menjelaskan bahawa aktiviti pencerobohan ini telah berlaku sejak puluhan tahun dengan melibatkan ribuan hektar tanah. Pencerobohan tanah kerajaan bukan sahaja ada di kalangan petani atau pekebun kecil sebaliknya turut melibatkan syarikat korporat yang besar (Fakhrull, 2018). Terdapat beberapa contoh kes berkenaan pencerobohan tanah milik kerajaan Perak seperti kes di Bukit Kledang dan di Chemor. Bukit Kledang merupakan satu aset semula jadi indah dan tempat kegemaran untuk pendaki bukit serta pelancong. Menteri Besar Perak, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu mengesahkan bahawa penerokaan tanah seluas 10 hektar berhampiran Bukit Kledang merupakan aktiviti haram bagi tujuan perladangan kelapa sawit (Razak, 2019). Penebangan pokok di kawasan itu telah memusnahkan kawasan yang subur dan boleh menyebabkan banjir lumpur pada musim hujan. Hal ini akan membahayakan kawasan perumahan di kaki bukit. Isu yang seterusnya dilaporkan berkenaan pencerobohan tanah milik kerajaan di Chemor, Perak oleh sekumpulan petani yang telah menjalankan aktiviti pertanian selama 50 tahun (Saifullah, 2019). Kerajaan negeri Perak mengetahui tanah tersebut telah diceroboh apabila kerajaan ingin menghadiahkan tanah tersebut kepada pemain pasukan bola sepak negeri Perak. Dalam hal ini, kerajaan negeri Perak telah mengeluarkan notis 14 hari kepada petani yang terlibat supaya mengosongkan tanah pertanian yang diusahakan oleh mereka (Saifullah, 2019). Tambahan lagi, menurut sumber akhbar tempatan terdapat sebuah syarikat korporat telah menceroboh tanah milik kerajaan Perak dengan menggunakan kumpulan tertentu bagi menghalang penguatkuasa mengambil tindakan terhadap tanah berkenaan (Farah, 2019). Menurut Menteri Besar Perak, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu, terdapat peneroka haram yang menyaman kerajaan kerana menganggap tanah milik kerajaan yang mereka duduki sekian lama telah menjadi hak mereka. Seterusnya Jadual 1 dibawah menunjukkan data kluasan tanah kerajaan diceroboh di Negeri Perak.

Jadual 1: Keluasan Tanah Kerajaan yang Diceroboh di Perak

Daerah	Data Tanah Diceroboh 2017 (ekar)	Data Tanah Diceroboh 2019 (ekar)	Peratus Baki Tanah Diceroboh (%)
Kerian	2480.80	362.70	14.62%
Larut Matang, Taiping	4091.53	267.00	6.53%
Selama	3772.10	392.00	10.39%
Kuala Kangsar	57.00	0.50	0.88%
Sungai Siput	1093.00	571.00	52.24%
Hulu Perak, Gerik	6520.00	1500.30	23.01%
Pengkalan Hulu	3500.00	1750.00	50.00%
Lenggong	70.50	0.00	0.00%
Kinta, Batu Gajah	1420.00	185.31	13.05%
Kinta, Ipoh	793.93	387.20	48.77%
Perak Tengah, Sri Iskandar	2119.00	197.50	9.32%
Kampung Gajah	634.00	104.00	16.40%
Manjung	1969.00	301.50	15.31%
Hilir Perak, Teluk Intan	1671.92	140.00	8.37%

Batang Padang, Tapah	12900.50	2350.00	18.22%
Slim River	1714.40	130.00	7.58%
Kampar	17799.00	2130.00	11.97%
Jumlah	62606.68	10769.01	17.20%

Sumber: Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Perak (2019)

Menurut Jadual 1 di atas, didapati jumlah kluasan tanah yang diceroboh adalah sebanyak 62606.68 ekar di seluruh negeri Perak pada tahun 2017. Pada tahun 2017, daerah Kampar mencatatkan sebanyak 17799 ekar tanah milik kerajaan telah diceroboh dan ia mencatatkan kluasan yang tertinggi di negeri Perak. Manakala daerah Kuala Kangsar mencatatkan 57 ekar tanah menjadi sasaran kepada penceroboh dan bilangan kluasan diceroboh ini adalah terendah di seluruh negeri Perak pada tahun 2017.

Secara faktanya, pencerobohan ini telah memberi impak yang sangat besar khususnya kepada pihak Kerajaan Negeri Perak. Menurut Pejabat Menteri Perak, pencerobohan akan menjelaskan perancangan untuk menjalankan projek pembangunan seperti membina rumah mampu milik (Saifullah, 2019; Shahrizal, 2019). Selain itu dari aspek ekonomi, pencerobohan boleh menjelaskan usaha kerajaan negeri dalam menarik lebih ramai pelabur asing dan seterusnya mengakibatkan kerajaan negeri mengalami kerugian. Tambahan lagi kerajaan akan mengalami kerugian kerana tidak mendapat hasil kutipan cukai tanah dari aktiviti haram yang diusahakan atas tanah tersebut (Pahang Media, 2020; Asrol, 2020). Kesan seterusnya adalah kerajaan perlu mengeluarkan kos yang tinggi (Multazimah, 2015). Hal ini disebabkan pihak kerajaan perlu menanggung kos pembersihan sisa buangan, penempatan setinggan, pembayaran pampasan dan saguhati. Akibat dari kegagalan pihak berkuasa melaksanakan langkah penguatkuasaan, pihak penceroboh akan berjaya menggunakan tanah tersebut untuk menjalankan aktiviti tersendiri tanpa membayar sebarang kos dan cukai tanah. Walaupun penyelesaian telah dilaksanakan oleh pihak berkuasa tetapi pencerobohan ini masih berlaku. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengkaji alternatif penyelesaian supaya dapat membantu kerajaan Negeri dalam menangani masalah pencerobohan tanah milik kerajaan.

Kajian Literatur

Undang-undang tanah di Malaysia adalah berdasarkan Sistem Torrens yang diperkenalkan oleh penjajah British. Di Malaysia, Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 merupakan undang-undang tertinggi di Malaysia mengenai urusan pentadbiran tanah. KTN hanya berkuatkuasa di Semenanjung Malaysia sahaja. Manakala Sabah dan Sarawak mempunyai undang-undang tanah tersendiri iaitu Ordinan Tanah Sabah (Cap 68) dan Kanun Tanah Sarawak (Cap 81). Undang-undang tanah ini akan digunakan dan dirujuk oleh pihak berkuasa dalam menjalankan urusan pentadbiran tanah termasuk hal yang berkaitan pencerobohan tanah. Menurut Undang-undang Tanah Di Malaysia, urusan tanah adalah terletak di bawah bidangkuasa kerajaan negeri iaitu Pihak Berkuasa Negeri (PBN).

Takrifan Pencerobohan Tanah Kerajaan

Menurut Seksyen 5 Kanun Tanah Negara (KTN), "tanah kerajaan" ditakrifkan sebagai semua tanah di dalam sesebuah negeri termasuk dasar sungai, tepi pantai dan dasar laut, yang terletak di dalam sempadan negeri atau kawasan perairan negeri selain dari tanah berimilik, tanah rizab, tanah lombong dan hutan simpan. Selain itu, Seksyen 40 KTN mengisyiharkan bahawa semua

harta dalam tanah kerajaan dan semua galian dan bahan batuan yang terkandung di dalam tanah kerajaan adalah dimiliki oleh Kerajaan.

Pencerobohan tanah kerajaan pula bermaksud menduduki atau menjalankan apa-apa sahaja kegiatan tanpa kebenaran daripada pihak kerajaan. Menurut Seksyen 425 (1) KTN memperuntukkan bahawa seseorang telah melakukan kegiatan pencerobohan tanah kerajaan apabila ianya tidak mendapat kebenaran yang sah semasa melakukan perkara-perkara seperti menduduki atau membina mana-mana bangunan di atas tanah kerajaan, tanah rizab atau tanah perlombongan atau membersih, membajak, menggali mengepungi atau bercucuk tanam di mana-mana tanah tersebut samada sebahagian atau secara keseluruhan, memotong atau memindah apa-apa kayuan atau hasil di atas atau dari tanah tersebut.

Kegiatan pencerobohan tanah boleh berlaku di kalangan semua jenis tanah iaitu tanah berimilik, tanah rizab, tanah lombong, tanah hutan simpan dan tanah kerajaan. Di kalangan pelbagai jenis tanah yang diceroboh, pencerobohan tanah milik kerajaan perlu lebih diberi perhatian. Hal ini disebabkan pencerobohan tanah milik kerajaan akan membawa impak yang serius kepada pembangunan negeri. diwartakan sebagai hutan simpan menurut undang-undang yang berkuatkuasa seperti pewartaan di bawah Seksyen 7 Akta Hutan Simpanan 1984 bagi melindungi khazanah alam.

Aktiviti Pencerobohan Tanah Kerajaan

Aktiviti Penempatan Setinggan

Penempatan merupakan antara satu aktiviti yang dilakukan oleh penceroboh di atas milik tanah kerajaan. Penempatan ini lebih dikenali sebagai penempatan setinggan. Penempatan setinggan boleh wujud kerana faktor kemiskinan atau faktor migrasi penduduk. Kadar kemiskinan yang tinggi menyebabkan kadar kewujudan penempatan setinggan yang tinggi. Kemiskinan ditakrifkan sebagai situasi serba kekurangan memenuhi keperluan asas yang minimum untuk hidup (Norzita, 2014). Kos sara hidup yang tinggi di bandar telah memberi tekanan tinggi kepada golongan berpendapatan rendah. Hal ini mengakibatkan golongan tersebut mencari alternatif lain untuk menampung keperluan hidup seperti memilih untuk menduduki secara haram di atas tanah kerajaan bagi menampung kehidupan mereka. Selainnya kemasukan migrasi secara besar-besaran ke kawasan Bandar menjadi punca utama pertambahan penempatan setinggan. Faktor utama migrasi adalah untuk mencari peluang pekerjaan. Namun begitu sebelum mendapat pekerjaan dan pendapatan yang mencukupi, sudah tentu kawasan setinggan menjadi tumpuan sebagai tempat tinggal. Menurut laporan akhbar Sinar Harian, terdapat 12 kes dengan isu penempatan setinggan telah berlaku di beberapa lokasi dalam Negeri Perak dan pihak kerajaan telah berusaha untuk mengatasi masalah ini (Shahrizal, 2019)

Aktiviti Pertanian

Aktiviti pertanian merupakan aktiviti yang biasa dilakukan oleh penceroboh di atas tanah. yang biasanya dilakukan oleh penceroboh atas tanah adalah aktiviti pertanian. Mereka mengusahakan tanah dan membangunkan tanah dengan aktiviti pertanian bagi menampung kehidupan mereka (Asiah, Razani dan Khadijah, 2006). Kebiasaan pencerobohan tanah yang melibatkan kegiatan pertanian adalah berlaku di kawasan luar bandar. Hal ini disebabkan pendapatan masyarakat di kawasan luar bandar adalah bergantung kepada kegiatan pertanian. Mereka memerlukan tanah kosong untuk menjalankan aktiviti pertanian sehingga sanggup menceroboh tanah kerajaan. Memandangkan ianya di kawasan luar bandar, pemantauan oleh

pihak berkuasa adalah berkala. Tambahan pula pihak berkuasa tidak menerima apa-apa laporan tentang pencerobohan tanah yang dilakukan, oleh itu tiada tindakan diambil terhadap mereka menyebabkan mereka merasakan pencerobohan tanah adalah tidak bersalah (Asiah, Razani dan Khadijah, 2000)

Aktiviti Perniagaan

Aktiviti perniagaan seperti mencuci kereta, membuka gerai kecil-kecilan merupakan satu aktiviti yang biasa dijalankan oleh pencerobo (Khasanah, 2009). Kegiatan pencerobohan ini berlaku di mana-mana sahaja tidak kira ianya kawasan luar bandar atau kawasan bandar. Ini berlaku di atas tanah-tanah kosong yang terletak di tepi jalan, bawah jambatan pejalan kaki, atau mana-mana tanah kosong termasuklah tanah kerajaan yang tidak diusaha atau dibangunkan selalunya menjadi sasaran untuk masyarakat menjalankan perniagaan sendiri tanpa kebenaran pihak berkuasa (Khasanah, 2009).

Faktor-faktor Menyebabkan Pencerobohan Tanah Kerajaan

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan pencerobohan tanah kerajaan iaitu faktor ekonomi, faktor sosial dan faktor perundangan. Bagi faktor ekonomi, kemiskinan merupakan antara satu faktor yang menyumbang kepada pencerobohan tanah. Kebiasaan keadaan ini akan berlaku di kalangan golongan yang berpendapatan rendah seperti petani yang menjalankan aktiviti pertanian untuk meneruskan kehidupan mereka (Azlena, 2012).

Seterusnya bagi faktor sosial seperti perpindahan masyarakat luar bandar ke kawasan bandar. Kebiasaan penghijrahan ini bertujuan untuk mencari sumber pendapatan di kawasan bandar. Selain daripada itu, tanah kerajaan dilihat mudah untuk diceroboh kerana tiada papan tanda amaran yang diletakkan untuk menunjukkan orang awam dilarang menceroboh tanah kerajaan tersebut. Tambahan lagi tanah kerajaan sering dilihat terbiar lebih-lebih lagi yang terletak di kawasan pedalaman. Menurut Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali menyatakan ketika ini terdapat banyak tanah kerajaan yang terbiar dan tidak dibangunkan, selain tiada perancangan khusus untuk membangunkan tanah itu dalam masa beberapa tahun akan datang (Zanariah, 2019). Dengan ini, penceroboh mengambil peluang untuk menjalankan aktiviti-aktiviti mereka memandangkan tiada sesiapa mengawasi atau menjaga kawasan berkenaan lebih-lebih lagi sekiranya tanah tersebut di kawasan pedalaman. Selain daripada itu, Norizuani (2008) menyatakan bahawa terdapat penceroboh yang tetap berada di atas tanah kosong tersebut mempunyai niat untuk mendapatkan perhatian daripada pihak kerajaan semata-mata untuk mendapatkan bayaran pampasan pada waktu operasi pencerobohan dijalankan.

Bagi faktor perundangan, menurut Dewi (2012) menyatakan hukuman yang ringan terhadap penceroboh merupakan salah satu faktor isu ini berleluasa. Menurut KTN 1965 Seksyen 425 menyatakan jika disabitkan kesalahan denda tidak melebihi RM10,000 atau dipenjarakan tidak lebih dari satu tahun akan dikenakan kepada penceroboh. Namun begitu, denda ini tidak akan terlaksana sekiranya tiada tindakan dari pihak penguatkuasa dalam membuat pemantauan terhadap pencerobohan ke atas tanah kerajaan. Selain daripada itu proses permohonan tanah yang panjang juga menyebabkan masyarakat mengambil keputusan untuk menceroboh tanah-tanah terbiar. Menurut kajian Norhasnisha (2013), kelewatan kelulusan permohonan tanah telah timbul disebabkan kekurangan kakitangan di Pejabat Tanah dan kesukaran mendapatkan fail asal permohonan tanah. Fail asal pemohon ini penting kerana di dalamnya terdapat maklumat yang berkaitan dengan sesuatu permohonan, serta salinan resit bayaran premium

atau bayaran-bayaran lain yang berkaitan. Oleh yang demikian, pelan akui tidak dapat didaftarkan jika tiada apa-apa bukti yang menunjukkan bahawa pemohon telah menjelaskan bayaran yang telah dikenakan.

Kaedah Penyelesaian Pencerobohan Tanah yang Telah Dilaksanakan

Penyelesaian pertama yang telah dilaksanakan adalah tindakan penguatkuasaan. Apabila suatu kes pencerobohan tanah telah dikenalpasti, pihak Pejabat Tanah akan mengambil tindakan penguatkuasaan mengikut Seksyen 425 (1) KTN terhadap penceroboh tersebut. Seksyen 425 (1) KTN menyatakan dengan jelas bahawa jika seseorang disabitkan, denda boleh dikenakan tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak lebih dari setahun atau kedua-duanya sekali.

Penyelesaian kedua adalah pengeluaran Lesen Pendudukan Sementara (LPS). Menurut Seksyen 42(1) KTN, pemberian LPS di bawah borang 4A merupakan satu kaedah pelupusan tanah oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dengan memberi kebenaran kepada seseorang individu untuk menduduki atau menjalankan aktiviti di atas tanah tersebut pada suatu tempoh tertentu. Lesen ini diluluskan hanya untuk kegunaan sementara sahaja. Sebagai contoh, seseorang individu yang mendapat lesen ini hanya boleh menanam tanaman yang tidak kekal dan tanaman bermusim atau membina rumah atau binaan yang boleh dialih berjenis sementara kerana tanah tersebut menjadi milik kerajaan semula setelah akhir tempoh lesen tersebut.

Selain itu, pemberiman tanah merupakan tindakan yang diambil oleh kerajaan sebagai satu langkah penyelesaian untuk menangani masalah pencerobohan tanah (Mohd Rashid, 2004). Menurut KTN 1965, pemberiman tanah merupakan salah satu bentuk pelupusan tanah yang diperuntukkan dalam Seksyen 42(1)(a). PBN mempunyai kuasa untuk memberimilik tanah kerajaan melalui peruntukan-peruntukan di bawah Seksyen 76 KTN 1965.

Punca-punca yang Menyebabkan Penyelesaian Sedia Ada Tidak Berkesan

Terdapat beberapa punca yang menyebabkan penyelesaian sedia ada tidak berkesan dalam menangani isu pencerobohan tanah milik kerajaan seperti dijelaskan di bawah.

Campur tangan Politik

Antara satu masalah yang dihadapi oleh Unit Penguatkuasa semasa menjalankan tugas untuk menangani kegiatan pencerobohan tanah milik kerajaan adalah campur tangan oleh politik. Hal ini disebabkan apabila orang awam menghadapi masalah akan membuat rayuan kepada ahli politik seperti wakil-wakil rakyat yang telah dilantik sewaktu pilihanraya (Yanti, 2010; Athir, 2020). Orang awam menganggap ahli politik merupakan orang tengah di antara kerajaan dan orang awam. Dengan ini apabila orang awam melanggar undang-undang, mereka akan meminta bantuan daripada ahli politik supaya masalah ini dapat diselesaikan. Ahli politik tersebut kebiasaannya akan berusaha untuk memberi bantuan kepada mereka yang menghadapi masalah supaya mengukuhkan kedudukan diri sendiri dalam hati orang awam.

Peruntukan Kewangan yang Terhad

Pihak penguatkuasa memerlukan wang untuk menjalankan operasi. Menurut Yanti (2010), peruntukan kewangan adalah digunakan untuk membeli kelengkapan dan peralatan yang diperlukan semasa menjalankan operasi tindakan penguatkuasaan, pembayaran gaji bagi bayaran kerja lebih masa atau kos-kos yang diperlukan bagi menjalankan pemantauan, pengawasan dan bancian (Asfaizan et al., 2017). Oleh itu, peruntukan kewangan yang tidak mencukupi menyukarkan unit penguatkuasa dalam menjalankan tugas dengan lancar.

Ancaman Keselamatan

Keselamatan pihak penguatkuasa semasa menjalankan operasi tindakan penguatkuasaan perlu diberikan perhatian yang serius. Hal ini dapat ditunjukkan dengan sebahagian pihak penceroboh yang sanggup menghalang pihak penguatkuasa demi mempertahankan hak yang bukan milik mereka terhadap tanah tersebut (Berita Harian, 2015). Menurut Yanti (2010), pihak penceroboh memberontak dengan menggunakan senjata seperti kayu, parang, batu dan sebagainya.

Metodologi Kajian

Kajian ini telah menggunakan reka bentuk kualitatif. Terdapat dua sumber data iaitu data sekunder dan data primer. Data sekunder diperoleh melalui ekstrak kajian-kajian lepas, artikel, jurnal, akta dan perkeling serta keratan akhbar yang berkaitan. Manakala data primer pula diperoleh melalui kaedah temu bual secara bersemuka. Soalan temubual berbentuk semi struktur digunakan semasa sesi temu bual. Hal ini kerana soalan berbentuk semi struktur boleh disusun semula dan boleh ditambah mengikut keperluan semasa sesi temu bual berlangsung. Borang temu bual mengandungi tiga bahagian. Bahagian A mengenai latar belakang responden seperti jawatan dan pengalaman kerja mereka. Bahagian B mengenai faktor-faktor yang menyebabkan penyelesaian sedia ada tidak berkesan dan Bahagian C adalah soalan terbuka mengenai pandangan dan cadangan responden terhadap penyelesaian alternatif untuk mengatasi masalah pencerobohan tanah milik kerajaan di Perak. Bagi pemilihan responden, kaedah persampelan bertujuan telah digunakan. Kaedah ini terbukti berkesan apabila hanya memerlukan sebilangan kecil responden yang dapat memberi maklumat yang terperinci berkaitan dengan kajian yang sedang dilakukan (John, 2018). Jadual 2 di bawah menunjukkan senarai responden dalam kajian ini yang terdiri daripada lima orang pegawai tanah yang terlibat secara langsung dalam menyelesaikan masalah pencerobohan tanah kerajaan di negeri Perak. Seterusnya data yang diperolehi akan dikumpul dan dianalisis dengan menggunakan analisis Penyelidik menganalisis maklumat yang dikumpul dengan menggunakan analisis deskriptif bagi mencapai kedua objektif kajian ini

Jadual 2: Maklumat Responden

Nama	Tempoh Pengalaman	Jawatan
Shahrul Nizam Bin Shokri (R1)	6 Tahun	Penolong Pengarah PTG Perak (Bahagian Penguatkuasaan dan Teknikal)
Mohd Fairoz Bin Md Hairi (R2)	6 Tahun	Penolong Pegawai Tanah PTG Perak (Bahagian Penguatkuasaan dan Teknikal)
Shahril Ridzuan Bin Ramli (R3)	8 Tahun	Penolong Pegawai Tanah PTG Perak (Bahagian Penguatkuasaan dan Teknikal)
Khairul Rizal Bin Abdul Razak (R4)	16 Tahun	Penolong Pegawai Tanah PTG Perak (Bahagian Penguatkuasaan dan Teknikal)
Shahrul Bin Ahmad Redzuan (R5)	10 Tahun	Penolong Pegawai Tanah PTG Perak (Bahagian Penguatkuasaan dan Teknikal)

Analisis dan Perbincangan

Analisis dibuat berdasarkan maklumat yang diperoleh dari data sekunder dan primer. Bagi faktor-faktor yang menyebabkan penyelesaian sedia ada tidak berkesan dalam menyelesaikan masalah pencerobohan tanah kerajaan di Perak, semua responden (R1, R2, R3, R4 dan R5) bersetuju bahawa campur tangan politik merupakan salah satu faktor yang menyebabkan

operasi penguatkuasaan tidak berjalan dengan lancar. R2 dan R4 menegaskan bahawa penglibatan ahli politik dengan menyalahgunakan kuasa mereka untuk melindungi penceroboh melambatkan operasi penguatkuasaan. R3 menyatakan bahawa keadaan politik yang tidak stabil menyebabkan dasar tidak teratur. Sebagai contoh, menurut R5 kerajaan negeri Perak berjanji akan memberikan hak milik tanah secara tetap kepada penduduk, namun selepas bertukar kerajaan, kerajaan baru tidak melaksanakan perjanjian tersebut.

Berdasarkan kajian literatur, faktor kedua adalah peruntukan kewangan yang terhad. Semua responden berpendapat peruntukan kewangan yang mencukupi dari kerajaan sangat penting untuk memastikan kelancaran operasi dan menampung segala kos perbelanjaan peralatan utiliti yang digunakan semasa semasa operasi.

Seterusnya semua responden (R1, R2, R3, R4 dan R5) bersetuju dengan faktor ancaman keselamatan merupakan salah satu kekangan yang dihadapi oleh pihak penguatkuasa di PTG Perak. R1 menyatakan walaupun semasa menjalankan operasi penguatkuasaan, pasukan keselamatan seperti tentera dan polis berada bersama, namun banyak kemungkinan yang tidak dijangka boleh berlaku di lokasi kejadian. Tambahan daripada itu R5 mengatakan bahawa faktor kekurangan kakitangan adalah salah satu penyebab penyelesaian yang tidak berkesan. R1 menekankan bahawa kekurangan kakitangan membebankan kerana lebih banyak kerja perlu dilakukan. Apabila kerajaan ingin menjimatkan kos dari segi pengurangan pengambilan kakitangan, ianya secara tidak langsung mempengaruhi operasi penguatkuasaan dimana banyak kes yang akan tertunggak untuk diselesaikan.

Seterusnya responden ditemubual berhubung dengan penyelesaian alternatif untuk mengatasi masalah pencerobohan tanah di Perak. Berdasarkan hasil temubual yang telah dilakukan terdapat beberapa langkah alternatif yang boleh dibuat oleh kerajaan negeri bagi menyelesaikan masalah pencerobohan tanah dari terus berleluasa. Semua responden (R1, R2, R3, R4 dan R5) menyatakan bahawa campur tangan politik sukar dibantersa melainkan ada undang-undang yang menghalang ahli politik daripada campur tangan dalam urusan PTG Perak ketika mereka menjalankan operasi penguatkuasaan.

Di samping itu, bagi faktor peruntukan kewangan yang terhad, responden R2 berpendapat dengan menyediakan pangkalan data yang menyimpan data terperinci dan maklumat tanah untuk memudahkan aktiviti pemantauan dapat mengurangkan kos operasi selain dapat menyelesaikan isu kekurangan kakitangan di Pejabat Tanah. Pangkalan data ini sangat penting dalam meringankan beban dari memantau sejumlah besar tanah. Beliau juga menyarankan agar undang-undang di bawah Seksyen 425 harus diperkuatkan dengan memberikan hukuman yang lebih berat seperti mengenakan denda yang lebih tinggi kepada para penceroboh. Selain daripada itu R3 menyarankan agar menggunakan teknologi canggih seperti *drone* untuk memantau tanah kerajaan supaya dapat menjimatkan kos dari segi pengambilan lebih banyak kakitangan. Penggunaan teknologi untuk memantau tanah kerajaan terutama tanah kerajaan yang terletak di kawasan luar bandar dapat membantu untuk mengelakkan pencerobohan kerana pihak penguatkuasa dapan mengesan berlakunya pencerobohan dengan lebih awal. Responden R4 menyarankan agar pihak kerajaan harus melakukan bincian semula untuk mengetahui keadaan tanah milik kerajaan dan memberikannya kepada Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) yang berpotensi untuk mengurangkan tanah kosong kerajaan. Dengan melaksanakan dasar ini, dalam masa yang sama pihak kerajaan dapat memperoleh hasil pendapatan. Tambahan lagi, R1 mencadangkan agar pengurusan PTG Perak melihat semula

proses permohonan LPS supaya proses tersebut dapat dimudahkan agar dapat mempercepatkan proses permohonan LPS supaya individu mendapat lesen dan menjalankan aktiviti di atas tanah secara sah di sisi undang-undang.

Kesimpulan

Hasil kajian ini telah mengenalpasti beberapa faktor yang menyebabkan penyelesaian sedia ada tidak berkesan dalam menyelesaikan masalah pencerobohan tanah milik kerajaan di Perak. Antara faktor yang menyebabkan masalah ini adalah campur tangan politik, peruntukan kewangan yang terhad, ancaman keselamatan, dan kekurangan kakitangan. Bagi mengatasi masalah pencerobohan ini terus berleluasa, terdapat beberapa alternatif yang dicadangkan oleh para responden seperti menggubal undang-undang untuk mencegah mana-mana pihak untuk campur tangan dalam urusan penguatkuasaan pencerobohan tanah kerajaan. Selain itu, membangunkan pangkalan data untuk merekod maklumat tanah secara terperinci, mengenakan hukuman yang lebih berat, menggunakan teknologi canggih, bekerjasama dengan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan mempercepat proses permohonan lesen atau hak milik tanah.

Tambahan daripada itu pihak kerajaan harus meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap isu pencerobohan tanah milik kerajaan. Dengan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kegiatan pencerobohan ini dan tidak membiarkan penceroboh mengambil kesempatan untuk menagih simpati masyarakat untuk tindakan penguatkuasaan terhadap mereka. Cadangan seterusnya ialah dengan mengkaji semula semua kegunaan tanah terbiar milik kerajaan supaya boleh mewujudkan dasar yang jelas dan konsisten mengenai jenis pembangunan yang sesuai kepada tanah tersebut. Selain daripada itu mengwujudkan pengkhususan kerja dalam unit penguatkuasaan tanah. Hal ini kerana kerja-kerja yang dibahagi kepada kakitangan yang khusus boleh meningkatkan efisiensi bekerja. Kakitangan yang bertugas di unit penguatkuasaan ini perlulah dibahagikan kepada beberapa kumpulan spesifik contohnya kumpulan kakitangan yang bertugas di dalam pejabat, kumpulan kakitangan yang menjalankan pemantauan dan rondaan secara rutin, kumpulan kakitangan yang terlibat dalam sesebuah operasi penguatkuasaan, kumpulan kakitangan yang mengawal selia setiap barang rampasan dan sebagainya. Pengkhususan kerja ini penting agar setiap kakitangan mahir dengan tugas dan tanggungjawab masing-masing serta dapat mengurangkan beban kerja yang dipikul.

Secara kesimpulannya, isu pencerobohan tanah kerajaan perlu diselesaikan segera supaya tanah yang ada dapat digunakan untuk kegunaan yang lebih bermanfaat bagi keperluan masyarakat setempat. Selain itu, alternatif penyelesaian yang diambil oleh pihak kerajaan haruslah diteliti sebaiknya kerana ia akan memberi implikasi terhadap tindakan yang bakal diambil di masa hadapan terhadap penceroboh khasnya di Perak dan di seluruh Malaysia amnya.

Rujukan

- Abd. Razak Mohd Ali. (2019, Februari 8). Penerokaan Haram Bukit Kledang untuk Ladang Sawit. *Astro Awani*. Diakses 6 Januari 2020, dari <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/penerokaan-haram-bukit-kledang-untuk-ladang-sawit-mb-inc-197939>.
- Asiah Othman, Razani Abdul Rahim dan Khadijah Husin (2006). *Implikasi Pencerobohan Tanah Kerajaan. Kajian Kes: Bandaraya Johor Bharu*. Laporan Akhir Penyelidikan Jangka Masa Pendek. Jabatan Pentadbiran dan Pembangunan Tanah.

- Asfaizan Ahmad Sarkawi, Nor Fadila M Sapuan, Liyana 'Izzati Aris dan Nur Farah Hanis Ismail (2017). *Laporan Kajian Penandaaran Sistem Penarafan Bintang Pentadbiran Tanah*. Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Institut Tanah dan Ukur Negara.
- Asrol Awang. (2020, September 1). Kerajaan Pahang Bertegas Isu Pekebun Haram Durian Musang King. *Berita Harian*. Diakses 20 September 2020, dari <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/09/726851/kerajaan-pahang-bertegas-isu-pekebun-haram-durian-musang-king>.
- Athir Ismail. (2020, September 5). Tanah Raub: Campur Tangan Politik Sukarkan Rundingan. *Suara Merdeka*. Diakses 20 September 2020, dari <https://suaramerdeka.com.my/tanah-raub-campur-tangan-politik-sukarkan-rundingan/>
- Dewi Adharina (2012). *Kajian Pengaruhkuasaan Terhadap Pencerobohan Tanah Kerajaan Dalam Kawasan Rezab Melayu. Kajian Kes: Pejabat Tanah Daerah Johor Bharu*. Tesis Sarjana Muda Sains, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Farah Suhaidah Othman. (2019, Januari 27). Syarikat Korporat Ceroboh Tanah Kerajaan. *Berita Harian*. Diakses 6 Januari 2020, dari <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2019/01/524563/syarikat-korporat-ceroboh-tanah-kerajaan>.
- John Dudovskiy (2018). *The Ultimate Guide to Writing a Dissertation in Business Studies a Step-by-Step Assistance*. London: London Press
- Kanun Tanah Negara (1965)
- Khasanah Sufaat@Supaa (2009). *Pencerobohan Tanah Kerajaan Bagi Tujuan Pertanian. Kajian kes; Daerah Batu Pahat*. Tesis Sarjana Muda Sains, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- M.Fakhrull Halim. (2018, Disember 13). MB Pelik BN Dulu Biar Saja Tanah Kerajaan Diceroboh. *MalaysiaKini*. Diakses 6 Januari 2020, dari <https://www.malaysiakini.com/news/455937>.
- Multazimah Binti Mohamed (2015). *Langkah Penyelesaian Terhadap Pencerobohan Di Atas Tanah Rizab Untuk Tujuan Pembangunan. Kajian Kes: Pusat Ternakan Haiwan Pantai Timur Tanah Merah, Kelantan*. Tesis Sarjana Muda Sains, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai
- Muhyiddin Sedih Pencerobohan Tanah Cameron Highland Masih Berlaku (2015). Diakses dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2015/02/33062/muhyiddin-sedih-pencerobohan-tanah-cameron-highlands-masih-berlaku>.
- Mohd Rashid Bin Abd. Rahup (2004). *Proses Penyelesaian Masalah Pencerobohan Di Atas Tanah Rizab Untuk Tujuan Pembangunan. Kajian Kes: Taman Botani Dan Tapak Semaianjohor, Sri Medan, Batu Pahat, Johor*. Tesis Sarjana Muda Sains, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Mohd Jasni (2000). *Pencapaian Tindakan Pihak Berkuasa Terhadap Pendudukan Tanah Kerajaan Tanpa Izin, Kajian Kes: Tg. Lumpur, Kuantan*. Thesis Sarjana Muda Sains Pentadbiran dan Pembangunan Tanah. Universiti Teknologi Malaysia.
- Norzita Jamil dan Siti Hadijah Che Mat (2014). Realiti Kemiskinan: Satu Kajian Teoritikal. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 48(1), 167-177.
- Nor Zubaidah Binti Sidek (2015). *Pencerobohan Tanah Kerajaan di Pesisir Pantai Kawasan Kajian: Daerah Sabak Bernam, Selangor*. Tesis Sarjana Muda Sains Pentadbiran dan Pembangunan Tanah, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Norizuani Md Aris (2008). *Pencerobohan Tanah Rizab Awam Dan Kesannya Terhadap Sosio-Ekonomi Penduduk Setempat. Kajian Kes: Kampung Paya Jaras, Selangor*. Tesis

Sarjana Muda Sains Pentadbiran dan Pembangunan Tanah, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.

Norhasnisha Binti Hashim (2013). *Strategi Penambahbaikan Proses Pelupusan Melalui Pemberimanikan Tanah Kerajaan Di Pejabat Daerah Dan Tanah Ipoh*. Tesis Sarjana Muda Sains Pentadbiran dan Pembangunan Tanah, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.

Nur Azlena Binti Mat Sujak (2012). *Penyelesaian Ke Atas Pencerobohan Tanah Wakaf Menggunakan Kaedah Istibdal. Kajian Kes: Lot PTD 69521 Mukim Kluang, Daerah Kluang*. Tesis Sarjana Muda Sains Pentadbiran dan Pembangunan Tanah, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.

Penerokaan Tanah Haram Merugikan Kerajaan Negeri (2020). Diakses dari <https://pahangmedia.my/penerokaan-tanah-haram-merugikan-kerajaan-negeri/>

Saifullah Ahmad. (2019, Julai 25). Kerjaan Perak Tawar Lokasi untuk Peneroka Haram. *Sinar Harian*. Diakses 6 Januari 2020, dari <https://www.sinarharian.com.my/article/39925/EDISI/Perak/Kerajaan-Perak-tawar-lokasi-untuk-peneroka-haram>.

Shahrizal Ahmad Zaini (2019, Januari 26). Perak Serius Tangani Isu Setinggan, Ceroboh Tanah. *Sinar Harian*. Diakses dari <https://www.sinarharian.com.my/article/9842/EDISI/Perak/Perak-serius-tangani-isu-setinggan-ceroboh-tanah>

Yuni Rama Yanti Tong (2010). *Faktor Yang Mempengaruhi Keberkesanan Tindakan Penguatkuasaan Oleh Unit Penguatkuasaan Pejabat Tanah*. Tesis Sarjana Muda Sains Pentadbiran dan Pembangunan Tanah, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.

Zanariah Abd Mutalib (2019, Mei 3). Kerajaan akan Majukan Tanah Terbiar. *Berita Harian*. Diakses dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/ 2019/05/559790/kerajaan-akan-majukan-tanah-terbiar>